

Oleh Mohd Jamilul  
 Anbia Md Denin  
 anbia@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Jika sebelum ini kaedah tradisional 'ais dan air panas' digunakan untuk memindahkan gas petroleum cecair (LPG) subsidi ke tong LPG industri namun kini sindiket dikesan semakin licik apabila menggunakan alat kompresor diubah suai untuk menjalankan aktiviti haram itu.

Ini terbukti susulan operasi dilakukan sepasukan 10 pegawai dan anggota penguat kuasa KPDNHEP Ibu Pejabat Putrajaya yang bertindak menyerbu sebuah stor industri di Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Kelang, Selangor jam 7 malam semalam.

Pengarah Bahagian Penguat Kuasa Kementerian



ANGGOTA KPDNHEP Putrajaya memeriksa tong gas subsidi yang diseleweng sindiket.

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, risikan mendapati premis itu digunakan sebagai tempat untuk memindahkan gas LPG

bersubsidi ke dalam tong LPG industri.

"Dalam pemeriksaan itu, anggota pasukan KPDNHEP menemui sejumlah 103 tong LPG seberat 50 kilogram (kg) setiap satu yang digunakan untuk industri.

"Turut ditemui 14 tong berisi LPG seberat 14 kg setiap satu untuk kegunaan domestik dan 190 tong LPG kosong.

"Turut disita adalah sebuah lori lima tan beserta LPG di dalamnya," katanya.

Beliau berkata, pihak KPDNHEP turut merampas peralatan yang digunakan untuk pemindahan gas seperti hos, penimbang, alat kompresor dan peralatan pengepam gas LPG.

"Semua barangan disita itu dianggarkan bernilai RM 72,662. Dalam serbuan itu, kami berjaya menahan tiga lelaki warga Indonesia berusia 30 hingga 35 tahun yang berada di dalam premis.

"Turut diberkas seorang lelaki tempatan berumur 24 tahun yang mengaku sebagai tuan punya premis bagi membantu siasatan," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dalam keadaan menimbulkan syak munasabah selain kesalahan mengikut Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 membabitkan aktiviti mengilang LPG tanpa lesen sah.

"Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau berkata, KPDNHEP akan bertindak pantas serta tidak akan berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang membanteras sindiket penyelewengan subsidi barang kawalan demi kepentingan rakyat.